

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HSM 111 – Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia

[Masa: 3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI **TUJUH [7] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja. (D)

1. ✓ “Kegemilangan Melaka pada abad ke-15 adalah berdasarkan kepada kepentingannya sebagai sebuah pusat perdagangan.” Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pernyataan ini.
2. ✓ “Unsur-unsur ekonomi semata-mata menentukan pola dan taburan kependudukan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.” Berdasarkan kepada salah sebuah negeri berkenaan, bahaskan pandangan tersebut.
3. ✓ Sejauhmanakah anda menyokong pendapat yang mengatakan bahawa kegiatan pelanunan di kalangan kaum Iban dari Skrang dan Saribas di sepanjang pesisiran laut Sarawak pada 1820an hingga 1850an disebabkan oleh ciri kebudayaan tradisi mereka.
4. ✓ “Sektor pertanian perdagangan dan bukan industri perlombongan memberi sumbangan penting kepada perkembangan ekonomi Malaysia pada awal abad ke-20.” Bincangkan.
5. ✓ Sejauhmanakah modal, keusahawaan, dan tenaga buruh Cina menyumbang kepada kemajuan perkembangan ekonomi di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Borneo Utara British sebelum tahun 1941.
6. ✓ “Sikap tidak mementingkan persekolahan formal di kalangan kaum pribumi Malaysia pada zaman penjajahan mengakibatkan kadar buta huruf yang tinggi di kalangan mereka.” Sejauhmanakah anda menerima pendapat sedemikian.
7. ✓ “Adakah mereka pejuang nasionalis yang wajar disanjung atau cuma si pemberontak yang harus dihukum?”

Berdasarkan kepada petikan di atas, bincangkan peranan dua tokoh dalam mana-mana gerakan protes yang berasingan di Malaysia pada zaman pemerintahan kolonial.

--oo000oo--